

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

26 January 2016

Sekat penyusupan, perangi ideologi serta aktiviti keganasan - PM

Malaysia tak beri ruang kumpulan ekstremis

um-26/1/2016

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 JAN.

MALAYSIA tidak akan memberi sebarang ruang untuk kumpulan ekstremis menyusup ke negara ini dan segala langkah bagi memerangi ideologi serta aktiviti keganasan tersebut akan dikuatkuasakan kerajaan tanpa rasa apologetik.

Atas komitmen itulah negara ini diperlengkapkan dengan Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas (SOSMA), Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015, Akta Pencegahan Keganasan (POTA) serta Akta Majlis Keselamatan Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, cara terbaik untuk Malaysia atau mana-mana negara lain di dunia ini menjamin kebebasan awam adalah dengan mengekang sebarang aktiviti keganasan secara lebih awal dan bukannya setelah meletus sesuatu insiden.

Ini kerana tegas beliau, bagi pendokong ekstremis seperti kumpulan militan Negara Islam (IS), istilah kebebasan awam tidak pernah wujud menyebabkan mereka sanggup membunuh rakyat tidak berdosa dengan sewenang-wenangnya tanpa rasa perikemanusiaan.

"Saya tidak akan memohon maaf, saya ulangi, saya tidak akan memohon maaf bagi setiap langkah yang telah serta bakal diambil kerajaan demi memastikan keselamatan. Aspek keselamatan un-



tuk semua rakyat Malaysia adalah keutamaan saya selaku Perdana Menteri.

"Kami tidak akan tunggu sehingga kekacauan berlaku sebelum mengambil semua langkah yang perlu. Ini prinsip kami," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai

Pemulihan dan Memerangi Ancaman Keganasan 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd.

Zin serta Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Persidangan selama dua hari itu juga menjemput semua menteri yang bertanggungjawab dalam aspek keselamatan dari ASEAN serta sembilan menteri rakan strategik seperti Amerika Syarikat (AS), Perancis, Australia, Britain, Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Jepun, China dan Itali.

Menurut Najib, keganasan telah menyebabkan berjuta-juta rakyat Syria dan Iraq menderita selain masyarakat global juga dikejutkan dengan serangan di Paris, Istanbul, Ankara, Beirut dan Jakarta serta pengeboman pesawat penumpang Rusia di ruang udara Sinai.

"Ratusan orang terbunuh, dan banyak yang cedera parah. Untuk apa? Bukan untuk Islam kerana tiada yang Islamik tentang keganasan. Kumpulan ini mengkufuri agama yang cintakan keamanan, toleransi dan persefahaman. Anda (militan) tidak mewakili kami," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kejayaan memerangi kumpulan ekstremisme yang memperalatkan agama adalah bergantung kepada sejauh mana kerajaan berupaya memberikan penjelasan tentang ajaran Islam sebenar iaitu menolak sebarang bentuk keganasan.

Malaysia sehubungan itu katanya, telah menterjemahkan modul pemulihan khas ke dalam tiga bahasa iaitu bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Perancis, yang selaras dengan Resolusi 2178 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memulihkan penganas.